



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN
HARI DEEPAVALI BAGI STAF YANG
MENGANUT AGAMA HINDU DENGAN PINDAAN
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
22 Januari 2019 / 16 Jamadilawal 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.02/100-3/2/3 (10)

22 JANUARI 2019
16 JAMADILAWAL 1440H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 1/2019

CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI STAF YANG MENGANUT AGAMA HINDU DENGAN PINDAAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Surat Edaran Pentadbiran ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkenaan pemakaian **Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 43/35 Jld.8 (10) bertarikh 5 November 2018 iaitu Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu** atas persetujuan pihak Universiti melalui kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2018 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran tersebut dengan pindaan di UTeM. Pemberian kemudahan ini bagi memberi ruang kepada staf untuk menyambut perayaan bersama keluarga.

2. Sehubungan dengan itu, UTeM telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari kepada staf yang beragama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali. Bagi menikmati kemudahan ini, staf perlu mengisi borang permohonan Cuti Tanpa Rekod dan mengemukakannya kepada Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing untuk kelulusan. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini **berkuat kuasa mulai tahun 2018**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka